



Tel : 04-2615669  
: 04-2628664  
E-mail : [secretariat@penangbar.org](mailto:secretariat@penangbar.org)  
Website : [www.penangbar.org](http://www.penangbar.org)

No. 4. Green Hall,  
1st Floor,  
10200 Penang,  
Malaysia.

## JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

Syariah 3/24

2 Apr 2024

Kepada semua Ahli dan Pelatih Dalam Kamar Peguam Pulau Pinang,

### JAMUAN HARI RAYA KALI KE-23: “RIANG RIA RAYA”

Sukacitanya kami bagi pihak Jawatankuasa Kecil Syariah, Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sokongan Tuan/Puan bagi menjayakan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Kecil Syariah selama ini.

Sebagai menyambung tradisi dalam usaha mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan Ahli dan Pelatih Dalam Kamar Peguam Pulau Pinang, Jawatankuasa Kecil Syariah akan menganjurkan Jamuan Hari Raya Kali ke-23 bertemakan “**RIANG RIA RAYA**” seperti berikut:

**Tarikh** : 4 Mei 2024 (Sabtu)  
**Masa** : 8:00 malam – 11:00 malam  
**Tempat** : Grand Ballroom Level 7, Olive Tree Hotel Penang  
**Tema pakaian** : Tradisional & Moden  
**Harga** : RM150.00 (individu) atau RM1, 500.00 (meja)

Sehubungan dengan itu, kami berharap pihak Tuan/Puan dapat memberikan sokongan dalam menjayakan Jamuan Hari Raya ini dengan membeli tiket sama ada secara individu/meja.

Oleh kerana jualan tiket individu/meja adalah terhad, maka pihak kami akan mengambil tempahan secara “**first-come, first-served basis**”.

Tempahan tiket individu/meja boleh dibuat melalui telefon di talian 04-261 5669 dengan menghubungi Puan Charmaine di Pejabat Urusetia Penang Bar Committee. Bayaran hendaklah dibuat secara ‘**online banking/fund transfer**’ ke akaun seperti berikut **PENANG BAR COMMITTEE (Account: Public Bank Berhad 3060545211)**.

Bukti pembayaran hendaklah dihantar melalui e-mel ke [secretariat@penangbar.org](mailto:secretariat@penangbar.org) bersama subjek emel “Jamuan Hari Raya Kali ke-23” berserta nama penuh dan butiran firma. Sokongan dan kehadiran Tuan/Puan ke Jamuan Hari Raya ini amatlah dialu-alukan dan dihargai.

Segala kerjasama daripada pihak Tuan/Puan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sebarang pertanyaan dan makluman lanjut, pihak Tuan/Puan boleh hubungi **Tn Habib Rahman (017-4746810)** atau **Pn. Sharifah Nur Hanim (012-4001771)**.

Sekian, terima kasih.

**Sharifah Nur Hanim binti Syed Hamid**  
**Pengerusi**  
**Jawatankuasa Kecil Syariah**